

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT KOMITED MEMASTIKAN PEKERJA MELENGKAPKAN DOS VAKSIN

KUALA LUMPUR, 12 OGOS 2021 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menjangkakan sehingga 85 peratus kakitangannya di tiga negeri di bawah perkhidmatannya iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor akan melengkapkan suntikan vaksin menjelang akhir bulan September 2021.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho De Leong berkata, setakat ini seramai antara 40 peratus hingga 60 peratus kakitangan SWM Environment khususnya pekerja barisan hadapan (*frontliner*) di ketiga-tiga negeri tersebut telah menerima sekurang-kurangnya suntikan vaksin dos pertama di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan sejak April lalu.

Menurut beliau, pemberian vaksin kepada petugas di sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam amat penting kerana mereka tergolong sebagai barisan hadapan yang terus berkhidmat tanpa henti mengikut jadual seperti biasa sejak mula penularan wabak COVID-19.

“Keselamatan pekerja khususnya ketika bertugas di lapangan sentiasa menjadi keutamaan SWM Environment dan kami telah mengambil pelbagai inisiatif pencegahan bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Suntikan vaksin dilihat sebagai satu kemestian dan langkah terbaik untuk memberi perlindungan kepada pekerja kami dan memastikan penduduk setempat sentiasa selamat dari jangkitan, seterusnya membantu negara mencapai pembentukan imuniti berkelompok,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, SWM Environment akan terus bekerjasama erat dengan Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan keseluruhan pekerjanya mendaftar dan melengkapkan dos suntikan vaksin COVID-19. Langkah ini sejajar dengan sasaran kerajaan untuk mewujudkan imuniti kelompok menjelang bulan Disember 2021 seperti yang telah dirancang di bawah PICK.

SWM Environment pada masa yang sama telah melengkapkan sesi penerangan kepada semua pekerjanya agar mereka mendapat maklumat yang tepat mengenai program vaksinasi serta manfaat melengkapkan dos suntikan bagi memastikan kesihatan pekerja sentiasa dalam keadaan baik.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Faris Ezwan Bin Ali Khan

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Ibu Pejabat Kuala Lumpur)

Tel : 03 – 2788 9200/ 018 – 310 8333

E-mel : faris.ali@swmsb.com

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com



SWM ENVIRONMENT

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : livingwater.ponnusamy@swmsb.com

Encik Shahrul Amir Bin Abdul Rahim

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Utara)

Tel : 07 – 455 6166 / 012 – 700 0025

E-mel : shahrulamir.rahim@swmsb.com

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com